

Artikel

## **Pola Sikap dan Sokongan Pengundi Muda (Undi-18) Terhadap Integriti Calon dan Parti Dalam Pilihanraya Umum 15 (PRU15)**

*(Patterns of Attitudes and Support among Young Voters (18-Year-Old Voters) Towards the Integrity of Candidates and Parties in the 15th General Election (GE15))*

Nik Hairi Omar, Arena Che Kasim\* & Jamiah Manap

Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [arena@ukm.edu.my](mailto:arena@ukm.edu.my)

Diserah: 01 Jun 2024

Diterima: 01 Ogos 2024

**Abstrak:** Artikel ini meneliti pola sikap dan sokongan pengundi muda kali pertama (undi-18) terhadap integriti calon dan parti-parti politik yang bertanding dalam Pilihanraya Umum ke-15 (PRU15). Objektif utama artikel ini adalah untuk mengenalpasti tahap penerimaan terhadap undi-18 dan kesanggupan keluar mengundi; mengenalpasti pola sikap pengundi berteraskan nilai-nilai integriti calon dan parti; memahami pola sikap berteraskan realiti politik semasa; dan menilai pandangan terhadap integriti gabungan parti-parti yang bertanding dalam PRU15. Data kajian diperolehi menerusi tinjauan soal selidik rawak kelompok yang dijalankan secara atas talian melibatkan lebih 40 kumpulan belia di seluruh negara sebelum PRU15 berlangsung. Berdasarkan analisis terhadap 370 sampel kajian, dapatan menunjukkan lebih 80% mempunyai pandangan positif (setuju dan sangat setuju) dengan keputusan kerajaan meluluskan dasar Undi-18 dan menganggap ia adalah keputusan yang tepat. Kesanggupan keluar mengundi responden pula amat tinggi iaitu sekitar 86.7-88.6%. Majoriti responden (68-97%) menunjukkan pola sikap politik yang mengidamkan ciri-ciri pemimpin dan parti politik yang berintegriti tinggi. Namun, majoriti sedar tidak semua calon dan parti politik adalah berintegriti tinggi dan akan membuat pilihan yang terbaik semasa memilih. Dapatan juga menunjukkan majoriti pengundi kali pertama mempunyai sikap politik partisan dan cenderung untuk memberi undi kepada parti yang telah ditetapkan sejak awal. Penilaian terhadap integriti gabungan parti-parti politik pula menunjukkan gabungan PN dinilai paling berintegriti, diikuti PH, GTA dan BN. Artikel merumuskan bahawa pengundi kali pertama menginginkan sebuah kerajaan yang adil dan bertanggungjawab. Mereka juga sentiasa memerhati dan menganalisis perkembangan politik tanah air serta mempunyai penilaian tersendiri terhadap calon-calon dan parti yang bertanding dalam PRU15.

**Kata kunci:** Pola sikap politik; sokongan politik; pengundi muda; undi-18; integriti; PRU15.

**Abstract:** This article examines the patterns of political attitudes, and support among first-time young voters (18-years-old voters) towards the integrity of candidates and political parties contesting in the 15th General Election (GE15). The main objectives of this article are: to identify the level of acceptance towards 18-year-old voters and their willingness to vote; to identify the patterns of voter attitudes based on the values of candidate and party integrity; to understand the patterns of attitudes based on the current political realities; and to evaluate perceptions towards the integrity of the coalitions of political parties contesting in GE15. The research data was obtained through a random cluster survey, conducted online involving more than 40 youth groups nationwide before the GE15. Based on the analysis of 370 samples, the findings show that more than

80% of respondents have a positive view (agree and strongly agree) of the government's decision to approve the 18-year-old voting policy and consider it right. The respondents' willingness to vote is also very high, between 86.7-88.6%. Most respondents (68-97%) show a pattern of political attitudes that desire leaders and political parties with high integrity. However, the majority know that not all candidates and political parties are clean and will make the best voting choices in GE15. The findings also show that the majority of first-time voters have a partisan political attitude and tend to vote for the party they are affiliated with. The assessment of the integrity of the political party coalitions shows that the PN coalition is rated as the most integral, followed by PH, GTA, and BN. The article concludes that first-time voters desire a fair and responsible government. They also constantly observe and analyze the country's political developments and have their assessments of the candidates and parties contesting in GE15.

**Keywords:** Political attitude patterns; political support; young voters; vote-18; integrity; GE15.

---

## Pengenalan

Integriti adalah asas kepada kesejahteraan manusia. Peradaban yang unggul, seimbang dan terpuji hanya boleh dibangunkan dan dipertahankan oleh generasi berintegriti. Berdasarkan konsep, integriti yang berasal dari perkataan Latin, 'integer' bermaksud menyeluruh, sempurna, dan kesatuan yang teguh (Widang & Fridlund, 2003), serta keutuhan (Hooks, 2010). Dalam kajian politik dan pilihanraya, integriti adalah suatu konsep yang sangat penting kerana menjadi asas kepada kepercayaan dan keyakinan awam terhadap sistem demokrasi. Tanpa integriti yang kukuh, institusi-institusi demokrasi seperti proses pilihanraya akan kehilangan legitimasi di mata pengundi (OECD, 2017). Integriti juga mempengaruhi kualiti kepimpinan serta wakil rakyat yang bakal dipilih kerana para pengundi secara rasionalnya menilai integriti calon-calon dan parti yang bertanding dan akan memilih calon serta parti yang diyakini boleh berkhidmat untuk kepentingan rakyat dan negara (Banducci & Karp, 1998). Selaras dengan pandangan ini, Mansbridge (1999) menyatakan secara moral, integriti adalah etika dan nilai penting yang sentiasa dipegang oleh pengundi kerana umumnya tiada pengundi rasional menginginkan calon-calon dan parti politik yang tidak berintegriti di dalam mana-mana pemerintahan.

Dalam masyarakat yang semakin moden dan terdedah dengan pelbagai sumber maklumat berkaitan kepimpinan dan amalan pentadbiran parti-parti kerajaan dan pembangkang, tingkahlaku pengundian yang berasaskan penilaian terhadap integriti calon dan parti telah menjadi teras penting dalam keputusan memilih meskipun corak pengundian berteraskan kepentingan perkauman, identifikasi parti dan nilai-nilai sosiologikal sentiasa berpengaruh dalam budaya politik sepanjang zaman. Dalam konteks PRU15 di Malaysia, persoalan yang diteliti menerusi artikel ini ialah sejauhmana integriti calon dan parti-parti politik yang bertanding bakal mempengaruhi pola sikap atau keputusan memilih dalam kalangan pengundi muda (Undi-18) yang pertama kali keluar mengundi? Adakah terdapat kecenderungan yang tinggi dalam kalangan mereka untuk menzahirkan idealisme dan sokongan politik berteraskan integriti dalam konteks politik Malaysia yang bergelora sepanjang penggal PRU14? Persoalan ini penting diteliti memandangkan penurunan had umur mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun yang diluluskan Parlimen pada 16 Julai 2019 adalah permulaan sejarah baru bagi perkembangan politik demokrasi di Malaysia.

Sejak merdeka pada tahun 1957, ia adalah kali pertama Rang Undang-Undang Perlembagaan [Perenggan (a) Fasal 1 119] berkaitan had umur mengundi dan kelayakan bertanding pada usia 18 tahun dibahaskan dan diluluskan (Star, 16 Julai 2019; Mohd Zamir, 2022). Pindaan yang mendapat sokongan lebih 2/3 anggota Dewan Rakyat ini menandakan penerimaan dan harapan besar oleh majoriti anggota Dewan terhadap kepentingan suara pengundi muda dalam memilih dan menentukan masa depan negara. Walau pun terdapat pelbagai pandangan mengenai tahap kematangan politik pengundi muda di usia 18 tahun dalam memilih kerajaan yang disifatkan kurang faham dengan realiti dan percaturan dunia politik demokrasi, kurang pendedahan terhadap isu-isu politik yang kompleks dan global serta mudah dipengaruhi oleh isu-isu bermusim di media sosial, namun kehadiran pengundi muda ini tidak dapat disangkal lagi akan memberikan impak yang besar ke atas keputusan memilih dan menentukan kerajaan (Mohd Azmi, 2020; Mohd Zamir, 2021;

Nursyahida, 2021, Tuan Bughairah, 2022; Berita Harian, 2022). Menjelang PRU15, pelunjuran kerajaan Malaysia menganggarkan penurunan had umur mengundi kepada 18 tahun akan menyumbang pertambahan jumlah pengundi baru sebanyak 50% berbanding jumlah pengundi dalam PRU14 yang hanya sekitar 14.9 juta orang. Data Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR, 2024) menunjukkan terdapat 22.7 juta pengundi berdaftar di Malaysia dan kira-kira 10.6 juta dianggarkan pengundi muda (18-39 tahun). Penurunan had umur mengundi serta pendaftaran pemilih secara automatik yang diperkenalkan kerajaan pada Disember 2021 telah memudahkan lagi golongan muda melibatkan diri dalam politik dan membuka dinamik lanskap politik yang berbeza berbanding PRU 14 sebelumnya.

Persoalan integriti calon dan parti-parti politik yang bertanding dalam PRU15 dari kacamata pengundi muda adalah isu yang kritikal jika dilihat berdasarkan naratif dan perkembangan sosio-politik Malaysia selepas PRU14. Terdapat banyak isu berkaitan integriti kepimpinan tokoh-tokoh dan parti politik serta institusi berkaitannya yang boleh memberi kesan ke atas pemikiran pengundi muda dalam memilih kerajaan di masa depan. Antara isu terbesar adalah skandal 1MDB yang membawa kepada penahanan dan perbicaraan terhadap Dato Sri Najib Razak, mantan Perdana Menteri Malaysia. Skandal ini telah memberi potret yang buruk berkaitan isu integriti seperti salah guna kuasa dan mega korupsi yang berupaya menghilangkan keyakinan rakyat terhadap integriti calon-calon dan parti yang memerintah. Selain skandal 1MDB, pengundi muda juga melalui pengalaman sosialisasi politik yang bergelora selepas PRU14 kerana timbul pelbagai isu ketidakstabilan politik, perebutan kuasa dan pemaparan sikap politik kepartian oleh parti-parti tertentu dalam kerajaan baru pimpinan Pakatan Harapan (PH). Perkara ini turut memberi impak ke atas persepsi pengundi muda tentang integriti calon-calon dan parti politik yang memperjuangkan masa depan mereka.

Kesukaran membentuk kerajaan akibat kekurangan majoriti mudah selepas PRU14 telah memunculkan krisis lompat parti dan peralihan sokongan politik dalam kalangan Ahli Parlimen (MP) yang memburukkan persepsi moral dan integriti terhadap calon dan parti-parti politik. Meskipun “krisis Perlembagaan” ini selesai melalui kebijaksanaan peranan institusi YDPA dalam pelantikan Perdana Menteri, namun ‘kerjasama politik baru’ yang terbentuk menerusi Pakatan Harapan (PH) yang melibatkan gabungan parti-parti Bersatu, PAS, Keadilan dan DAP adalah sebuah kerjasama longgar demi membentuk pentadbiran Pusat. Di suatu sudut, walaupun kerjasama ini mencipta harapan baru dalam projek membina semula Malaysia yang lebih baik terutama selepas Tun Mahathir membuat pelbagai rombakan dalam struktur kabinet dan pelbagai institusi bagi tujuan menangani korupsi dan meningkatkan integriti, namun sikap politik yang bercanggah dalam kalangan parti-parti politik dalam gabungan PH, kegagalan memulihkan ekonomi, pencairan dan pelelongan banyak aset-aset strategik kerajaan bagi membayar hutang negara, gangguan dan ketidakadilan dalam pengagihan dana awam, perlambakan warga asing, isu Covid-19 serta campurtangan parti tertentu dalam hal ehwal bumiputera menyebabkan timbul konflik politik yang berpanjangan dalam kerajaan. Konflik dan tekanan politik yang kuat menyebabkan Tun Mahathir melepaskan jawatan Perdana Menteri di pada Februari 2020 dan digantikan oleh Tan Sri Muhyidin Yassin pada Mac 2020 sebagai Perdana Menteri ke-8 menerusi pembentukan Parti Perikatan Nasional (PN). Kerajaan baru PN pula hanya mampu bertahan selama setahun setelah hilang 120 sokongan ahli Parlimen terhadap kepimpinannya dalam menguruskan Covid-19. Kejatuhan Muhyidin digantikan oleh Ismail Sabri sebagai PM ke-9 sehinggalah Parlimen dibubarkan untuk membolehkan PRU15 pada 2023.

Dalam tempoh PRU14 sehingga pembubaran Parlimen pada 2022, pengundi muda telah melalui suasana politik negara yang tidak stabil, beralih-alih dan diselubungi pelbagai masalah integriti. Oleh itu, dijangkakan pola sikap dan sokongan politik pengundi muda dalam PRU15 akan lebih rasional dan berteraskan integriti di dalam memilih wakil rakyat dan parti politik yang mampu membawa perubahan positif untuk masa depan Malaysia. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan menerangkan tiga objektif penting berkaitan pengundi muda kali pertama keluar mengundi dalam PRU15 iaitu; (1) tahap penerimaan terhadap Undi-18 dan kesanggupan keluar mengundi; (2) mengenalpasti nilai-nilai integriti calon dan parti politik yang diidamkan (idealisme), (3) menilai sikap politik berdasarkan realiti politik semasa PRU15, dan (4) menilai pandangan pengundi muda kali pertama terhadap integriti gabungan parti-parti politik yang bertanding dalam PRU15.

## Sorotan Literatur

Terdapat banyak kajian berkaitan pola sikap atau tingkahlaku pengundian dalam PRU dan PRK di Malaysia. Beberapa kajian lepas yang signifikan dengan konteks artikel ini diperjelaskan. Antara hasil kajian yang terkini adalah oleh Fuad & Junaidi (2023) berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi tingkahlaku pengundi muda di Malaysia. Tinjauan rambang yang dijalankan ke atas 1500 sampel pengundi muda berusia 21-40 tahun seluruh negara menunjukkan bahawa pilihan politik pengundi muda semasa pilihan raya amat didorong oleh penilaian mereka terhadap faktor-faktor politik, sosial dan ekonomi semasa. Kebimbangan terhadap isu-isu ekonomi dan kepercayaan terhadap sistem politik adalah perkara penting bagi pengundi muda. Kajian ini turut mengesyorkan bahawa partisipasi politik pengundi muda akan meningkatkan pengetahuan politik dan pendemokrasian di negara ini. Sungguhpun kajian ini menarik, namun fokus kajian ini tidak ditumpukan kepada pengundi muda (Undi-18) menjelang PRU15 serta kurang membahaskan persoalan integriti calon, parti, idealisme dan realisme politik.

Kajian oleh Ahmad Faisal et al., (2022) berkaitan persepsi pemilih muda terhadap isu-isu utama dalam PRU-15 di Malaysia adalah lebih dekat dengan persoalan yang dibahaskan artikel ini. Kajian beliau melibatkan sejumlah 1200 sampel pengundi muda (18-40 tahun) mendapati isu-isu ekonomi, rasuah, dan integriti calon adalah penentu utama tingkah laku pengundi muda dalam PRU-15. Faktor agama, etnik dan lokasi tempat tinggal pengundi didapati berperanan dalam menentukan corak pembuangan undi dan kemenangan calon. Pengundi muda disifatkan peka kepada isu-isu dalam negara serta kualiti dan integriti pemimpin, calon dan parti yang bertanding. Kajian ini merumuskan bahawa isu-isu yang dititikberatkan oleh pemilih muda menggambarkan tahap kematangan berpolitik serta kesedaran terhadap kepentingan isu-isu nasional. Meskipun skop kajian ini dapat memberi gambaran tentang pola sikap politik pengundi muda peringkat nasional, namun kajian ini tidaklah memfokus semata-mata kepada pengundi muda kali pertama keluar mengundi.

Penemuan kajian oleh Ahmad Faisal et al., (2022) berkaitan peranan faktor agama, etnik dan lokasi pada amnya mendokong hasil kajian Zarina (2019) berhubung peranan identiti etnik dan agama dalam tingkah laku pengundian di Malaysia. Kajian Zarina mendapati identiti etnik dan agama begitu mempengaruhi tingkah laku pengundi di Malaysia. Pola kelakuan pengundi berteraskan elemen sosiologikal ini terus kekal menjadi penentu penting pilihan pengundi walaupun terdapatnya peningkatan kesedaran isu-isu nasional. Selain itu, kajian oleh Junaidi et al. (2022) pula mengkaji kriteria pemilihan pemimpin dan parti dalam kalangan pengundi. Menurut kajiannya, para pengundi berkecenderungan memilih pemimpin dan parti politik yang memperjuangkan isu nilai sejagat seperti ketelusan, tata kelola yang baik, keadilan, kejujuran dan kesaksamaan kaum. Kajian juga menunjukkan pengundi yang sudah bosan dengan masalah politik tidak berkesudahan merasa tidak bermanfaat untuk turun mengundi.

Kajian oleh Noor Aziah et al., (2021) berkaitan pengaruh faktor demografi dan sosioekonomi terhadap tingkah laku pengundi di Malaysia pula berusaha meneliti sejauhmana ciri-ciri demografi dan sosioekonomi pengundi telah memainkan peranan dalam menentukan pilihan dan tingkah laku pengundi di Malaysia. Menggunakan analisis regresi berperingkat, kajian mendapati faktor umur, jantina, tahap pendidikan, status pekerjaan, dan pendapatan pengundi secara signifikan mempengaruhi tingkah laku pengundi dalam pilihanraya di Malaysia. Pengundi yang lebih tua, berpendidikan tinggi, bekerja, dan berpendapatan tinggi cenderung memiliki tingkah laku pengundian yang lebih matang dan berasaskan isu-isu utama, manakala pengundi yang lebih muda, berpendidikan rendah, tidak bekerja dan berpendapatan rendah lebih dipengaruhi oleh sentimen politik, pengaruh rakan sebaya, dan ketaatan parti.

Terdapat juga kajian tentang kesan media sosial terhadap tingkah laku pengundi muda di Malaysia seperti kajian Kamarul Azmi et al., (2020) yang mendapati penggunaan media sosial secara intensif mempengaruhi pemahaman, sikap dan tingkah laku politik di kalangan pengundi muda. Kajian yang dilakukan oleh Nur Ellyanis & Junaidi (2020) juga menunjukkan bahawa hampir kebanyakan penyokong parti politik mendapatkan maklumat melalui media sosial seperti *Facebook* dan *Whataspp* di mana kecenderungan ini menyebabkan sokongan mereka lebih tertumpu kepada parti pembangkang. Pengaruh kuat media alternatif berjaya mengubah landskap politik negara apabila tumbangannya kerajaan pimpinan BN yang banyak bergantung kepada media arus perdana dan ketinggalan jauh sebagai ejen penyebar maklumat yang unggul.

Media sosial dirumuskan memberi impak yang besar dalam membentuk persepsi dan tingkah laku politik di kalangan golongan pengundi muda di Malaysia.

Selain di atas, terdapat beberapa lagi kajian awal berkaitan tingkahlaku pengundian di negara ini seperti kajian Abdul Latiff et al., (2018); Mohd Azizuddin et al. (2016); Junaidi (2022); dan Kamaliah et al., (2017). Kajian Abdul Latiff et al., (2018) yang meneliti pengaruh kepemimpinan dan manifesto parti terhadap tingkah laku pengundi di Malaysia antara lain mendapati kepemimpinan parti dan manifesto telah mempengaruhi secara signifikan pilihan pengundi. Kajian oleh Mohd Azizuddin et al. (2016) pula merumuskan isu-isu hangat dan semasa memberi dampak yang signifikan terhadap tingkah laku pengundi di Malaysia apabila pola sikap pengundi sangat tertumpu kepada isu-isu seperti skandal, rasuah, dan isu ekonomi semasa. Senada dengan kajian Mohd Azizuddin, kajian di DUN Peramu Jaya oleh Junaidi (2022) mendapati golongan muda atau belia majoritinya sering membincangkan isu seperti pemulihan ekonomi, harga barang, inflasi dan kos sara hidup di samping isu rasuah. Kamaliah et al., (2017) pula mengaitkan kepentingan isu gender dalam tingkah laku pengundian di Malaysia berdasarkan dapatan signifikan perbezaan undi antara lelaki dan perempuan dalam aspek berkaitan isu yang diberikan keutamaan, kriteria penilaian calon, dan kecenderungan mengundi.

Beberapa kajian lepas yang dihuraikan di atas telah memberikan liputan menarik berkaitan pola sikap dan tingkahlaku pengundi di peringkat nasional dalam pelbagai skop dan objektif penelitian. Sebahagiannya menyentuh mengenai pengundi muda namun tidak terbatas hanya kepada Undi-18 serta pengundi muda yang kali pertama keluar mengundi. Berbeza dengan kajian yang dijalankan, kajian-kajian awal sebahagian besar dilaksanakan selepas PRU15 dan bukannya sebelum PRU15.

## 1. Pendekatan Teori

Dalam penyelidikan politik, terdapat sekurang-kurangnya tiga perspektif teori dominan berkaitan proses pembuatan keputusan seseorang pengundi dalam pilihanraya iaitu perspektif Teori Pilihan Rasional, Teori Identifikasi Parti dan Teori Sosiologikal. Secara ringkas, Teori Pilihan Rasional (Rational Choice Theory) menekankan bahawa individu adalah aktor rasional yang membuat keputusan berdasarkan pengoptimuman kepentingan peribadi iaitu kos dan manfaat yang akan diperolehi daripada sesuatu keputusan (Buchanan & Tullock, 1962; Downs, 1957; dan Aldrich, 1993). Dalam konteks pilihan raya, individu akan membuat keputusan mengundi berdasarkan pertimbangan bagaimana pilihan mereka akan memberi kesan ke atas kepentingan peribadi yang diinginkannya. Justeru, pengundi akan menilai secara rasional aspek-aspek seperti reputasi calon dan parti yang bertanding, prestasi, dasar, manifesto, kepentingan ekonomi dan jangkaan manfaat lain yang akan diperolehi. Individu dianggap sebagai "homo economicus" yang bertindak secara rasional untuk memaksimumkan keuntungan peribadi (Downs, 1957).

Campbell, et al., (1960) pula telah memperkenalkan Teori Identifikasi Parti, menegaskan bahawa menerusi pengalaman dan lingkungan sosio-politiknya, seseorang akan mengidentifikasikan diri dengan sesuatu parti politik sejak usia muda dan cenderung kekal sehingga dewasa. Teori ini mencadangkan wujudnya sikap politik partisan atau berafiliasi. Identifikasi parti akan mempengaruhi pandangan, sikap, dan tingkah laku politik seseorang untuk merasionalkan atau mempertahankan parti yang disokongnya serta boleh mewujudkan pola sikap ketaksuban/kepartian. Identifikasi kepartian tidak bermaksud pengundi adalah tidak rasional, sebaliknya mereka cenderung memberi justifikasi kerasionalan berdasarkan keterikatan dengan sesebuah parti dan menilai parti tersebut sebagai pilihan terbaik dari segi perjuangan politik. Ikatan kepartian adalah sukar berubah, namun ianya boleh berubah jika terdapat perubahan yang drastik dalam perkembangan politik dan masyarakat. Misalnya perkembangan politik baru di Malaysia menjelang PRU14 yang lalu menyaksikan kejatuhan teruk sokongan pengundi terhadap Barisan Nasional yang telah memerintah lebih dari 61 tahun.

Sementara teori terakhir adalah Teori Sosiologikal (Lazarsfeld, et al., 1944; Lipset, 1960; dan Horowitz, 1980) yang menekankan bahawa sikap dan pilihan politik individu dipengaruhi oleh faktor-faktor sosial, budaya dan identiti dan bukannya semata-mata bergantung pada pertimbangan rasional seperti yang disarankan oleh Teori Pilihan Rasional atau Teori Identifikasi Parti. Selain daripada tiga teori ini, terdapat beberapa lagi teori lain yang menekankan elemen psikososial dalam membuat pilihan seperti Teori Dua-Proses (Dual-Process Theory) yang mencadangkan bahawa terdapat dua proses mental yang berbeza yang digunakan

oleh individu semasa membuat pertimbangan atau keputusan politik iaitu proses intuitif dan analitik. Proses intuitif melibatkan penilaian dan pertimbangan yang dilakukan secara cepat, automatik, dan tanpa banyak usaha kognitif. Dalam konteks politik, proses ini sering digerakkan oleh isyarat heuristik, emosi, dan pengalaman terdahulu di mana pengundi cenderung membuat keputusan berdasarkan reaksi emosional yang spontan terhadap calon, isu, atau parti politik tertentu. Proses analitik pula melibatkan penilaian dan pertimbangan yang lebih terperinci, sistematik, dan memerlukan lebih banyak usaha kognitif. Dalam konteks politik, proses ini mendorong individu untuk mengumpul maklumat yang relevan, menganalisis isu-isu secara mendalam, dan membuat keputusan berdasarkan pertimbangan yang lebih objektif dan rasional.

Dalam kajian yang dijalankan, pengundi muda diandaikan kumpulan manusia yang memiliki sikap politik yang matang. Bersesuaian dengan dapatan kajian awal, pengundi muda cenderung berfikir rasional kerana mengutamakan masa depan yang stabil, justeru memerlukan kerajaan yang bersih dan berintegriti tinggi untuk mengemudi kepimpinan negara. Sungguhpun hasrat ini tidak mudah dicapai dalam milieu sosial politik di Malaysia yang bergelora, namun pemikiran rasional diandaikan mengatasi pola sikap politik kepartian atau sosiologikal seperti gelombang penolakan terhadap BN dalam PRU14 yang lalu sehingga lahirnya konsep “politik baru” di Malaysia.

Berdasarkan skop penyelidikan ini yang berfokus kepada persoalan adakah pengundi muda mengundi berteraskan idealisme dan realisme politik yang mengutamakan integriti calon-calon dan parti, pemikiran *a-priori* kajian ini adalah lebih tertumpu kepada pemahaman pola sikap “rasional” berteraskan integriti berbanding afiliasi kepartian dan sosiologikal. Dalam perkataan lain, adakah pengundi muda kali pertama keluar mengundi cenderung untuk memilih calon dan parti yang berintegriti berbanding afiliasi kepartian dan sosiologikal? Adalah penting untuk ditekankan bahawa setiap pengundi memiliki ikatan emosi dengan parti politik tertentu sama ada kuat atau lemah. Masyarakat pengundi juga turut dipengaruhi pertimbangan mempertahankan politik sosiologikal yang mengutamakan kelompok masing-masing terutama dalam suasana politik Malaysia yang berteraskan politik perkauman dan perlumbaan etnik. Semenjak merdeka, politik perkauman bukan hanya memisahkan sokongan politik berteraskan etnik, namun turut meningkatkan jurang sosio-ekonomi dan pencapaian antara kaum. Permuafakatan politik dalam bentuk Barisan Nasional (BN), Pakatan Harapan (PH), Perikatan Nasional (PN) atau Gabungan Tanah Air (GTA) hanyalah sebuah rekayasa parti-parti politik yang memadukan kerjasama bersifat kontraktual demi memperoleh kuasa dan autonomi segmental yang pada hakikatnya hanya mengekalkan dan meluaskan lagi politik perkauman.

## Metodologi

Kajian ini menumpukan kepada kumpulan pengundi muda yang bakal keluar mengundi buat kali pertama di dalam PRU15. Rekabentuk kajian adalah secara kuantitatif dan menggunakan tinjauan soalselidik. Pengumpulan data primer dibuat menerusi satu instrumen soalselidik yang dibina oleh penyelidik, mengandungi empat (4) bahagian iaitu maklumat sosio demografi dan kawasan mengundi; penglibatan dan kesediaan keluar mengundi dalam PRU15; integriti, idealisme dan realisme politik pengundi muda; dan penilaian pengundi kali pertama terhadap integriti politik gabungan parti-parti dalam PRU15.

Proses pengumpulan data menerusi borang soalselidik dijalankan menerusi platform media sosial dengan menyasarkan pautan soalselidik kepada lebih 40 kumpulan belia (*youth groups*) yang dikenalpasti di seluruh negara. Kumpulan yang disasarkan adalah golongan pengundi muda berusia 18 tahun ke atas yang mana sebahagian besar adalah penuntut sekolah di tingkatan 6 atas, pelajar kolej dan institut pengajian tinggi, kumpulan dan persatuan belia, serta pelajar-pelajar baharu atau yang pertama kali mengundi di universiti seluruh negara. Borang soalselidik dibina menggunakan *google survey* dan pautannya disampaikan kepada komuniti belia yang dikenalpasti menerusi emel kumpulan atau pautan langsung di platform *facebook*, *whatsapp*, *tiktok*, *instagram* dan emel. Kegiatan persampelan telah dijalankan selama 22 hari iaitu dari 4hb-18 November 2022 dan dihentikan sehari sebelum PRU15 berlangsung pada 19 November 2022. Kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah persampelan rawak berkelompok di mana pautan soalselidik diedarkan kepada kesemua ahli dalam kumpulan belia yang dikenalpasti. Data kajian yang diperolehi menerusi respon di *google forms* telah dimuat turun dan diekstrak ke dalam format excel, selanjutnya dipindahkan ke format SPSS versi 23 bagi tujuan analisis. Analisis deskriptif digunakan untuk

melihat taburan berasaskan kekerapan, peratusan dan purata. Proses pembersihan data dijalankan secara giat selepas kegiatan persampelan dihentikan bagi mengeluarkan semua responden yang melebihi usia 24 tahun. Dalam kajian ini, individu berusia 18-24 tahun sahaja dianggap sebagai pengundi kali pertama kerana terdapat jurang usia antara kohort 18-21 tahun yang mana pada masa kajian, mereka kini telah mula mencapai umur 24 tahun tetapi tidak pernah mengundi dalam tempoh 5 tahun lalu (PRU14). Dalam tempoh edaran soalselidik selama 22 hari, sejumlah 652 responden telah menjawab soalselidik, namun setelah data disemak dan dibersihkan berdasarkan tapisan usia dan kali pertama keluar mengundi, hanya sejumlah 370 responden yang benar-benar menepati ciri-ciri kajian dianalisis.

## Hasil Kajian

### 1. Latarbelakang Responden

Berdasarkan 370 sampel, sejumlah 34.3% responden adalah lelaki dan 65.7% wanita. Sejumlah 70% responden berusia 18-21 tahun, dan selebihnya 30% berusia 22-24 tahun. Kesemua responden mengakui ia adalah kali pertama mereka bakal membuang undi dalam PRU15. Taburan responden berdasarkan etnik menunjukkan 94.1% adalah berketurunan Melayu dan masing-masing 1.8% etnik India dan Cina serta etnik-etnik lain sebanyak 3.2%. Sejumlah besar iaitu 96.8% adalah beragama Islam. Responden kajian adalah mewakili kesemua 15 buah negeri di Malaysia dengan taburan tertinggi dari negeri Selangor (22.2%); Kelantan (21.6%); Terengganu (8.9%); Perak dan Pahang (masing-masing 8.4%); Johor (6.8%); Kedah (5.1%); Negeri Sembilan (4.9%); WP K. Lumpur (3.5%); Sabah (3.0%); Pulau Pinang (1.9%); Sarawak (1.4%); Perlis (0.5%); dan WP Putrajaya (0.3%). Majoriti responden adalah sedang mengikuti pengajian sarjanamuda (68.4%), diikuti pelajar diploma (17.8%), sekolah menengah (13%) dan pelajar yang sedang mengikuti pengajian master (0.8%).

### 2. Penerimaan terhadap Undi-18, Kesanggupan Pengundi Kali Pertama Berpartisipasi dan Keluar Mengundi dalam PRU15

Persoalan pertama yang diteliti dalam artikel ini ialah adakah pengundi muda kali pertama merasa gembira dengan pelaksanaan Undi-18 dan adakah mereka akan keluar mengundi untuk menunaikan tanggungjawab memilih dalam PRU15? Berdasarkan dapatan soalselidik dalam Jadual 2, data bagi item B1 menunjukkan pengundi kali pertama rata-rata adalah positif iaitu sangat setuju (42.2%) dan setuju (37.8%) kerana layak menjadi pemilih dalam PRU15.

Jadual 1. Pandangan terhadap Undi-18 dalam kalangan pengundi muda (n=370)

Item pandangan terhadap Undi-18	Peratus (%) respon				
	Sangat Tak Setuju	Tak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
B1: Saya sangat gembira kerana layak menjadi pemilih berdaftar pada PRU15	1.4	1.1	17.6	37.8	42.2
B2: Layak mengundi di usia 18 tahun adalah keputusan yang tepat dibuat oleh kerajaan	1.1	0.9	16.7	36.3	44.9

Sumber: Kajian Lapangan (2022)

Dalam item B2, diperhatikan sejumlah 81.2% responden adalah tergolong bersetuju dengan kenyataan bahawa layak mengundi di usia-18 merupakan keputusan tepat yang dibuat oleh kerajaan. Meskipun terdapat segelintir kecil responden dalam item B1 dan B2 tidak pasti, tidak setuju dan sangat tidak bersetuju, namun jumlah ini adalah kecil. Dapatan ini secara keseluruhan menunjukkan lebih daripada 80% responden merasa gembira dan menganggap dasar Undi-18 adalah keputusan yang tepat dalam politik semasa.

Berkaitan kesanggupan pengundi kali pertama untuk keluar mengundi dalam PRU15 pula, Jadual 2 memperlihatkan tinjauan terhadap beberapa item yang menyentuh aspek kesanggupan berpartisipasi dan keluar mengundi (item B4, B5, B12, B16, B17, B7 dan B9). Dapat dirumuskan bahawa bagi kesemua tujuh item

berkenaan, partisipasi dan kesanggupan keluar mengundi adalah sangat positif atau tinggi. Misalnya, gabungan data kumpulan sangat setuju dan setuju menunjukkan sejumlah 86.7% responden bagi item B4 mengatakan 'pasti' akan pulang (ke kampung halaman) untuk mengundi dalam PRU15 tanpa mengira jaraknya jauh atau dekat. Begitu juga bagi Item B5, B12, B16 dan B17 di mana lebih 80% setuju dan sangat setuju bahawa mereka 'pasti' akan turun mengundi; akan mengundi walaupun tidak mengenali calon dengan sebaiknya; merasakan mengundi adalah tanggungjawab, dan tidak akan merosakkan kertas undi semasa membuang undi.

Jadual 2. Kesanggupan berpartisipasi dan keluar mengundi dalam PRU15 (n=370)

Item kesanggupan berpartisipasi dan keluar mengundi	% respon				
	Sangat Tak Setuju	Tak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
B4: Saya pasti akan pulang untuk mengundi sama ada jauh atau dekat	1.9	1.6	10.8	29.5	56.2
B5: Saya pasti akan keluar mengundi dalam PRU15	1.6	1.9	7.8	28.9	59.7
B12: Saya akan keluar mengundi walaupun saya tidak mengenali calon-calon dengan sebaiknya	7.6	8.1	22.7	31.9	29.7
B16: Keluar mengundi adalah tanggungjawab yang wajib ditunaikan oleh setiap rakyat	0.8	1.1	8.4	21.1	68.6
B17: Setiap pemilih mesti mengundi dengan tidak merosakkan undi	1.4	0.5	7.0	22.2	68.9
B7: Sebagai anak muda, saya bersedia terlibat dalam kempen PRU -15 di mana-mana pun yang saya suka	7.3	9.7	29.7	23.2	30.0
B9: Saya mengambiltahu siapa calon-calon yang bertanding dalam kawasan Parlimen saya	4.9	4.9	20.0	30.8	39.5

Sumber: Kajian Lapangan (2022)

Selain itu, Jadual 2 juga memperlihatkan kesanggupan berpartisipasi politik yang tinggi dalam dalam pelbagai aspek, misalnya dalam item B7 dan B9, diperhatikan 53.2% berkesanggupan untuk terlibat dalam kempen PRU15, dan 70.3% mengambiltahu siapa calon yang bertanding dalam kawasan Parlimen mereka. Hal ini bermaksud penglibatan politik pengundi muda kali pertama ini adalah sangat impresif dan mereka komited menyumbang suara golongan muda dalam memilih kerajaan di negara ini.

2. Pola Sikap Pengundi Muda Kali Pertama: Ciri-Ciri Integriti Calon / Parti yang diidamkan dalam PRU15  
Objektif kedua artikel ini adalah untuk mengenalpasti pola sikap politik pengundi muda kali pertama terhadap integriti calon-calon dan parti politik yang bertanding dalam PRU15. Persoalan yang diteliti ialah tentang idealisme pengundi muda berkaitan karakter pemimpin dan parti politik yang bakal diundi dalam PRU15. Dalam Jadual 3, sejumlah 25 kriteria berkaitan integriti calon dan parti dalam PRU15 telah diajukan kepada responden bagi mengukur sikap, perspektif atau pandangan mereka mengenai ciri-ciri ideal calon dan parti yang diidamkan. Dapatan penelitian menunjukkan lebih 85% responden menginginkan calon-calon yang berintegriti tinggi iaitu memiliki ciri-ciri atau sifat diri yang bebas isu rasuah, kes mahkamah, politik ketaksuban, kronisme dan nepotisme, bebas skandal, mengisytihar harta, berprestasi baik, aktif dalam masyarakat, mempunyai rekod kepimpinan yang terbukti, dan berpersonaliti baik (rujuk kesemua item C1-C25). Sebagai contoh, dalam item C1, sejumlah 68.9% responden menyatakan sangat setuju untuk hanya memilih calon-calon yang diketahuinya bebas daripada sebarang kes mahkamah. Bagi item ini, kombinasi responden sangat setuju dan setuju adalah 90.5% menandakan besarnya faktor calon yang bersih daripada sebarang isu mahkamah dalam pertimbangan politik pengundi kali pertama.

Jika diperhalusi item-item dalam Jadual 3, respon setuju dan sangat setuju terhadap item-item berkaitan tret-tret positif integriti adalah tinggi berbanding respon tidak setuju atau tidak pasti. Misalnya 97.1% responden bagi item C2 mahukan calon-calon yang berkeperibadian tinggi yang tidak menjatuhkan orang lain demi untuk kekal berkuasa. Sejumlah 87.8% mahukan calon yang tidak pernah dijatuhkan hukuman bersalah oleh mahkamah (C3); 94.4% akan menolak sepenuhnya calon-calon yang terpalit dengan isu-isu



kronisme (C4); 86.8% tidak akan akan memilih calon yang berasal dari kalangan ahli keluarga yang sama (C5); 95.1% lebih yakin kepada calon yang terbukti telah mempamerkan ketokohan memimpin yang tinggi (C6); 81.9% berharap memilih calon-calon mempunyai kelayakan akademik yang baik (sekurang-kurangnya diploma) (C7); 96.2% akan memberi sokongan kepada calon yang telah berkhidmat dan terbukti mengotakan janji PRU sebelumnya (C8); 96.4 % sangat menekankan calon berjiwa rakyat (mengutamakan kebajikan rakyat (C9); 69.5% menghendaki calon yang mengisytiharkan harta (C10); 97.3% berharap calon-calon yang adil (C11); 96.7% mahukan calon yang mengutamakan kepentingan rakyat (C12); 92.2% berharap calon yang bakal diundi tidak mengkhianati keputusan parti walaupun keputusan parti bercanggah dengan kepentingan diri (C13). Peratus yang tinggi wujud dalam semua ciri-ciri calon yang “winnable” seperti tidak akan lompat parti (C18); setia kepada parti(C14), aktif dalam masyarakat (C15), tidak berpolitik untuk kaya (C19), menghormati kawan (C23), amanah (C24) dan berkebolehan bercakap/berkomunikasi dalam bahasa Melayu dengan baik (C25).

Jadual 3. Pola sikap responden terhadap integriti calon dan parti (n=370)

Item ciri-ciri integriti calon/parti yang diidamkan dalam PRU15	Peratus (% respon				
	Sangat Tak Setuju	Tak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
C1: Bebas dari sebarang kes mahkamah	0.5	1.9	7.0	21.6	68.9
C2: Tidak menjatuhkan orang demi untuk kekal berkuasa	0.5	0.8	1.6	14.9	82.2
C3: Tidak pernah dijatuhkan hukuman bersalah oleh mahkamah	1.1	1.4	9.7	22.4	65.4
C4: Tidak mengutamakan kumpulan / kelompok tertentu	0.8	1.1	2.8	17.6	76.8
C5: Memisahkan urusan keluarga daripada urusan politik	3.8	3.2	6.2	20.3	66.5
C6: Telah menunjukkan ketokohan/kebolehan memimpin	0.8	1.1	3.0	14.9	80.3
C7: Mempunyai kelayakan akademik yang tinggi sekurang-kurangnya tahap diploma.	3.0	5.1	10.0	22.4	59.5
C8: Telah terbukti mengotakan janji-janji pilihanraya	0.3	1.4	2.2	20.8	75.4
C9: Berpengalaman luas dalam memimpin dengan cekap	0.3	1.1	3.2	18.4	77.0
C10: Mengisytiharkan hartanya kepada umum	5.4	7.8	17.3	17.3	52.2
C11: Bersikap adil terhadap rakyat pelbagai lapisan	0.3	1.1	1.4	13.5	83.8
C12: Menjaga kebajikan rakyat yang diwakili	0.5	0.8	1.9	15.1	81.6
C13: Tidak mengkhianati keputusan parti walaupun bertentangan dengan kepentingan peribadi	1.1	1.6	5.1	16.8	75.4
C14: Setia (utuh) dengan prinsip perjuangan parti walau diuji dengan pelbagai rintangan	0.3	1.6	3.0	18.4	76.8
C15: Sentiasa terlibat secara aktif dalam kegiatan masyarakat, bukan hanya muncul menjelang PRU	0.3	1.1	2.2	13.2	83.2
C16: Mengutamakan fakta ketika berhujah/ berbicara	0.5	1.1	1.9	15.1	81.4
C17: Seorang yang berprinsip tegas	0.8	0.8	1.6	15.4	81.4
C18: Tidak lompat parti	1.6	1.9	8.1	20.3	68.1
C19: Tidak menceburi dunia politik untuk kekayaan diri	1.1	1.1	3.2	12.4	82.2
C20: Berfikiran terbuka / liberal	6.5	5.1	14.9	22.2	51.4
C21: Membimbing/melahirkan pemimpin pelapis	0.3	1.4	4.3	17.0	77.0
C22: Bebas rasuah	0.3	0.8	2.4	11.9	84.6
C23: Menghormati semua orang (kawan atau lawan)	0.3	0.8	2.2	11.4	85.4
C24: Seorang yang amanah	0.3	0.8	1.9	11.4	85.7
C25: Boleh berkomunikasi Bahasa Melayu dan Inggeris	1.1	0.0	3.8	13.8	81.4

Sumber : Kajian Lapangan (2022)

#### 4. Pola Sikap Pengundi Muda Kali Pertama Berdasarkan Realisme Politik PRU15

Bagaimanakah pengundi muda kali pertama menetapkan sikap politik dalam pengundian menjelang PRU15? Politik sebagai suatu pentas realiti adalah tempat di mana pihak-pihak tertentu bersaing dan berusaha mengekalkan kuasa dengan pelbagai cara yang bermoral dan tidak bermoral. Dalam persaingan politik yang wujud ini, isu-isu pelanggaran integriti, korupsi, nepotisme, bias, salah guna kuasa, politik perkauman dan

agama pasti berlaku. Oleh itu, bagaimanakah pengundi muda kali pertama membuat pilihan terhadap calon dan parti politik berdasarkan tekanan dan pilihan yang wujud dalam realiti politik semasa? Jadual 4 memperlihatkan sejumlah item soalan yang diajukan kepada responden bagi memahami realiti sikap politik mereka. Data menunjukkan sejumlah besar pengundi kali pertama iaitu 58.4% sangat setuju dengan kenyataan dalam item D5 iaitu bahawa “tidak kesemua calon pemimpin politik adalah bersih daripada salahlaku, maka mereka akan memilih calon yang paling bersih menurut pengetahuan mereka. Kombinasi responden dalam kelompok setuju dan sangat setuju menyumbang kekerapan 88.9 % berbanding hanya segenitir kecil iaitu 10.5% dan 5% tidak pasti dan tidak setuju. Dapatan ini memperlihatkan realiti sikap politik pengundi kali pertama yang matang dalam menilai integriti calon dan parti politik sebelum membuang undi.

Jadual 4. Realisme politik pengundi kali pertama (n=370)

Item berkaitan realiti sikap politik pengundi kali pertama	% respon				
	Sangat Tak Setuju	Tak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
D5: Saya sedar tidak semua calon pemimpin politik adalah bersih dari salah laku, maka saya akan memilih calon yang paling bersih menurut pengetahuan saya	0	5.0	10.5	30.5	58.4
D11: Adakalanya sebagai pengundi kita terpaksa memilih calon dalam keadaan yang sukar, di saat itu keputusan terbaik adalah memilih berdasarkan penilaian terhadap parti, bukannya calon.	5.9	5.7	25.9	31.4	31.1
D3: Saya sudah ada pilihan calon dan parti politik dalam PRU15	0.8	1.9	17.0	34.3	45.9
D9: Saya tidak akan mengundi calon yang tidak mewakili parti yang saya sokong walau pun beliau memiliki ciri-ciri kepimpinan yang baik	10.8	15.7	31.9	17.8	23.8
D13: Sekiranya seseorang calon dalam parti yang saya sokong pernah dihukum bersalah oleh mahkamah, saya tetap akan mengundinya jika saya percaya beliau seorang pemimpin yang berkredibiliti.	17.6	13.5	23.2	25.9	19.7
D17: Saya sentiasa menapis dan kritikal terhadap fakta dan maklumat berkaitan kempen politik dari media sosial	0.3	0.3	15.1	38.1	46.2
D18: Pendirian politik ahli keluarga saya turut mempengaruhi pendirian politik saya	9.7	11.4	21.1	29.7	28.1

Sumber : Kajian Lapangan (2022)

Lanjutan dari sikap atau kepercayaan bahawa tidak kesemua calon dan parti politik adalah berintegriti tinggi, 62.5% responden bersikap positif dengan item D11 iaitu apabila mereka berhadapan dengan kesukaran untuk membuat pilihan calon dalam PRU15, mereka akan memilih dengan mengutamakan parti. Dapatan ini bermaksud, keutamaan rasional dalam membuang undi semasa PRU15 bagi pengundi kali pertama ini adalah memilih calon yang berintegriti terlebih dahulu, disusuli memilih berteraskan parti. Penemuan ini menunjukkan adanya ciri politik kepartian dalam diri pengundi muda kali pertama. Perkara ini diperkukuhkan dengan dapatan dalam item D3 yang menunjukkan 80.2% pengundi kali pertama ini sudah mempunyai pilihan awal calon dan parti politik untuk diundi dalam PRU15 (kelompok setuju dan sangat setuju). Bahkan dalam item D9, sejumlah 41.6 % responden (17.8% setuju, 23.8% sangat setuju) bahawa diri mereka “tidak akan” mengundi calon yang tidak mewakili parti yang mereka sokong walau pun calon-calon berkenaan mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang baik. Pola sikap kepartian ini agak kukuh memandangkan dalam item D13, kombinasi responden bersetuju dan sangat setuju untuk tetap menyokong calon dari parti pilihan mereka adalah tinggi (45.6%) sekalipun calon-calon berkenaan pernah dihukum bersalah oleh mahkamah jika mereka berpendapat calon berkenaan adalah berkredibiliti tinggi. Dalam item D17, dapat dilihat bahawa pengundi kali pertama ini juga sentiasa merujuk media sosial sebagai sumber politik, pada masa yang sama bersikap kritikal terhadap kandungan maklumat yang disampaikan media. Mereka tidak semestinya positif terhadap semua berita dari pihak kerajaan atau parti politik tertentu. Selain itu, data juga menunjukkan faktor keluarga turut berperanan sebagai agen sosialisasi politik yang penting kerana majoriti (57.8%) bersetuju dan sangat bersetuju bahawa pendirian politik ahli keluarga turut memengaruhi pendirian politik mereka.

#### 4. Penilaian Pengundi Muda Terhadap Integriti Parti-Parti Politik dalam PRU15?

PRU15 ditandingi oleh pelbagai parti politik di Malaysia yang terdiri daripada parti-parti gabungan Barisan Nasional (BN), Perikatan Nasional (PN), Pakatan Harapan (PH) dan Gerakan Tanah Air (GTA). Kejayaan gabungan PH membentuk kerajaan Persekutuan yang baru dengan menumbangkan kerajaan BN serta krisis dan gelora politik yang berlaku selepas PRU14 seperti skandal 1MDB, ketakstabilan politik dan perebutan kuasa, pertukaran tiga kali jawatan Perdana Menteri, politik perkauman vis-a-vis keresahan agenda bumiputera, isu COVID-19 dan pengurusan kewangan negara yang teruk merupakan sebahagian proses yang telah meninggalkan tanggapan politik tertentu dalam kalangan pengundi muda kali pertama ini. Di atas faktor-faktor sosialisasi dan perkembangan sosio-politik yang sebegitu rupa, sejauhmana pengundi kali pertama dalam kajian ini menilai tahap integriti gabungan parti-parti politik yang bertanding dalam PRU15 ini? Parti manakah paling lemah dan paling baik dari segi “integriti” berdasarkan senarai empat gabungan parti yang bertanding? Menerusi kajian ini, pengundi muda kali pertama diberi kefahaman umum mengenai konsep integriti pemerintahan/kerajaan yang merujuk kepada kejujuran, ketulusan dan akauntabiliti parti yang memerintah, serta bersih dari skandal rasuah dan salahguna kuasa, berusaha mendaulatkan undang-undang, memperjuangkan kepentingan rakyat dan komited dengan proses demokrasi.

Berdasarkan konsep umum di atas, pengundi kali pertama diminta menilai secara umum berdasarkan realiti politik semasa gabungan parti manakah yang difikirkan lebih berintegriti dan berkeupayaan membawa negara ke tahap yang lebih stabil. Berdasarkan data dalam Jadual 5, dapatan menunjukkan skor bagi kategori “sangat rendah integriti” dan “rendah integriti” adalah paling banyak terkumpul bagi gabungan parti BN, disusuli oleh gabungan PH, GTA dan terakhir PN.

Jadual 5. Penilaian pengundi kali pertama terhadap integriti gabungan parti politik dalam PRU15

Bil.	Gabungan parti politik bertanding dalam PRU-15	Penilaian integriti (n=370)					Purata skor (5 mata)	Sisihan Piawai
		Sangat Rendah Integriti	Rendah Integriti	Sederhana Integriti	Baik Integriti	Sangat Baik Integriti		
1	Barisan Nasional (BN) - UMNO, MIC, MCA, PBRs, PBIM GRS)	109 (29.5%)	53 (14.3%)	126 (34.1%)	55 (14.9%)	29 (7.3%)	2.56	1.255
2	Pakatan Harapan (PH) – PKR,DAP, PAN, UPKO & MUDA	95 (20.9%)	74 (16.3%)	159 (35%)	92 (20.3%)	35 (7.7%)	2.78	1.214
3.	Perikatan Nasional (PN) – Bersatu, PAS, Gerakan, STAR, SAPP	32 (7.0%)	43 (9.5%)	142 (31.3%)	123 (27.1%)	115 (25.3%)	3.61	1.159
4.	Gabungan Tanah Air (GTA) – Pejuang, PUTRA, Iman, Berjasa	69 (15.1%)	83 (18.3%)	227 (50%)	60 (13.2%)	16 (3.5%)	2.73	1.003

Sumber: Kajian Lapangan (2022)

Sekiranya kategori “sangat rendah integriti” dan “rendah integriti” digabungkan sebagai parameter tahap integriti, adalah jelas parti gabungan parti BN telah menduduki tahap integriti paling rendah (43.8%), disusuli PH (37.2%), GTA (33.4%) dan terakhir gabungan PN (16.5%). Dalam keadaan sebaliknya, jika kategori “baik integriti” dan “sangat baik integriti” digabungkan dan dijadikan sebagai parameter gabungan parti paling berintegriti, maka gabungan PN memiliki skor paling tinggi penilaiannya (57.4%). Ini dapat disahkan lagi berdasarkan nilai purata skor yang menunjukkan gabungan PN mencatatkan purata skor tertinggi iaitu 3.61 mata / 5 mata berbanding gabungan parti-parti lain iaitu PH (2.78 mata), GTA (2.73 mata) dan BN terakhir (2.56).

#### Perbincangan

Terdapat beberapa penemuan penting kajian ini. Pertama, wujudnya pola sikap positif yang tinggi terhadap penerimaan Undi-18 dalam kalangan pengundi muda kali pertama di mana lebih dari 80% responden sangat gembira kerana layak menjadi pemilih, dan menganggap Undi-18 sebagai keputusan tepat yang dibuat oleh kerajaan. Penemuan ini selaras dengan perkembangan pendemokrasian politik dunia di mana majoriti negara-negara demokrasi di Barat (United Kingdom, Eropah Barat, Amerika Syarikat, Jerman, Kanada, Perancis) dan

Asia (India, Pakistan, New Zealand dan Australia) telah membenarkan golongan muda seawal usia 18 tahun memilih kerajaan dan menjadi calon politik. Bagi Malaysia, penyertaan undi-18 dalam PRU15 bukan sekadar menambah 50% jumlah pengundi baru berbanding PRU14 yang lalu tetapi implikasi undi golongan ini yang amat besar ke atas bentuk dan sistem kerajaan di masa hadapan. Hal ini seperti ditekankan oleh beberapa pengkaji yang menegaskan kepentingan pengundi muda dalam konteks impak yang besar ke atas keputusan memilih dan menentukan kerajaan (Mohd Azmi, 2020; Mohd Zamir, 2021; Nursyahida, 2021).

Kedua, terdapat komitmen yang positif dan tinggi (53.5-88.7%) dalam kalangan pengundi muda kali pertama untuk berpartisipasi dalam politik seperti kesanggupan untuk balik mengundi, pasti akan turun membuang undi, akan mengundi walaupun tidak mengenali calon dengan baik; mengundi sebagai kewajipan diri, tidak akan merosakkan kertas undi, dan sanggup terlibat dalam kempen PRU. Motivasi yang tinggi untuk berpartisipasi dalam proses pilihanraya menggambarkan pengundi muda mempunyai hasrat dan kemahuan yang ingin dicapai menerusi suara dalam politik dan kerajaan (Zaid, et al., 2016; Sivamurugan, 2010; Mazlan & Suffian, 2016). Oleh itu, pendekatan politik yang menggalakkan dan memperkasakan pendidikan politik, penglibatan, serta kesedaran tentang politik dan kerajaan adalah sangat penting supaya undi golongan muda lebih bertanggungjawab dan tidak sia-sia. Parti-parti politik dan calon pilihanraya perlu memahami sebaiknya hasrat dan keinginan pengundi muda, juga berusaha meluaskan saluran penyertaan politik belia, mengukuhkan kepercayaan sistem politik, serta mendengar dan mengambilkira pandangan, keperluan dan cadangan golongan muda (UN, 2018). Ketiga, pola sikap pengundi muda memperlihatkan hampir kesemua kualiti diri unggul pada diri seseorang calon dalam PRU15 adalah ciri-ciri yang diidamkan atau diharapkan oleh pemilih kali pertama ini. Penemuan ini memberi gambaran bahawa kesemua pengundi muda secara ideal dan rasionalnya menghendaki pemimpin yang baik, berintegriti tinggi atau boleh diharap untuk menerajui kepimpinan negara dan menjamin masa depan mereka. Ciri-ciri calon-calon berintegriti tinggi dari perspektif pengundi muda termasuklah individu bebas rasuah dan isu mahkamah, tidak taksab, menolak kronisme dan nepotisme, bebas skandal, berprestasi baik, aktif dalam masyarakat, mempunyai rekod kepimpinan yang terbukti dan berpersonaliti baik. Perkara ini selaras dengan rumusan pelbagai kajian lalu seperti kajian oleh Ahmad Faizal et al. (2022); Fuad & Junaidi (2023); Abdul Latiff et al., (2018); & Mohd Azizuddin et al., (2016) yang mengaitkan majoriti pengundi muda memilih calon yang berjiwa dan mesra rakyat, tinggi sahsiah, kepimpinan yang baik, jujur dan amanah, serta tidak mengamalkan rasuah. Oleh itu, bagi parti-parti politik, pemilihan calon-calon pilihanraya perlulah memiliki ciri-ciri 'winnable' berteraskan integriti tinggi serta setia dengan parti, tidak lompat parti, aktif dalam masyarakat, tidak berpolitik untuk kaya, menghormati kawan, amanah dan berkebolehan berkomunikasi dengan baik.

Keempat, pola sikap pengundi muda berdasarkan realisme politik menunjukkan majoriti pengundi muda kali pertama ini memahami perbezaan antara keinginan politik berteraskan integriti dan keadaan realiti politik yang menghadkan pilihan mereka. Sungguhpun penelitian menunjukkan majoriti mengimpikan untuk memilih calon-calon (dan parti) yang berintegriti tinggi, namun majoriti memahami bahawa politik adalah pentas realiti yang dipenuhi persaingan pihak-pihak yang berusaha mengekalkan kuasa dengan pelbagai cara yang bermoral dan tidak bermoral. Persaingan politik antara parti-parti di Malaysia membuktikan bahawa pelbagai isu pelanggaran integriti, korupsi, nepotisme, bias, salah guna kuasa, politik perkauman dan agama serta penindasan telah berlaku sehingga mengakibatkan naik dan jatuhnya seseorang pemimpin. Oleh kerana adanya tekanan dan pilihan dalam politik, sikap keberhatian wujud dalam diri pengundi muda kali pertama sewaktu memilih, antaranya berusaha memilih calon paling bersih. Dalam konteks kesedaran bahawa tidak kesemua calon dan parti politik adalah berintegriti tinggi, lebih dari 62.5% responden memperhatikan sikap politik partisan (berafiliasi) iaitu apabila berhadapan dengan kesukaran untuk membuat pilihan calon dalam PRU15, mereka akan memilih dengan mengutamakan parti. Dapatan ini menunjukkan bahawa sikap politik dominan tidaklah rasional semata-mata, tetapi juga sikap politik berteraskan identifikasi parti dan sosiologikal sebagaimana ditekankan dalam kajian Ahmad Faisal et al., (2022) dan Zarina Othman (2019). Ini memandangkan lebih 80% responden telah ada parti pilihan sejak awal lagi dan cenderung mengundi berdasarkan afiliasi parti. Berdasarkan penemuan ini, parti-parti politik di Malaysia perlu menunjukkan kesedaran yang kukuh mengenai budaya politik berteraskan rasional dan integriti. Calon-calon yang tidak berintegriti akan menjadi liabiliti yang besar kepada parti sementara sikap pemimpin politik yang

mementingkan kedudukan, kuasa dan pengaruh serta enggan meletakkan jawatan akan menyebabkan imej parti terjejas dan rakyat beralih sokongan. Keadaan ini adalah seperti yang terjadi sewaktu kejatuhan UMNO dan BN dalam PRU14 yang lalu apabila pemimpin yang bermasalah dikaitkan dengan pelbagai skandal seperti 1MDB, kronisme dan nepotisme dan enggan melepaskan jawatan sebelum PRU sehingga memecahbelahkan sokongan terhadap parti (Sheila, 2018; Welsh, 2018; Weis, 2019).

Terakhir, penilaian tertinggi terhadap gabungan parti paling berintegriti dalam PRU15 oleh pengundi muda kali pertama menunjukkan PN menduduki tangga teratas, disusuli PH, GTA dan BN di tangga terakhir. Penilaian yang sangat rendah terhadap BN ada kaitannya dengan isu-isu kepimpinan dalam parti yang dibincangkan sebelum ini, terutama isu Skandal 1MDB, salahguna kuasa dan selainnya. Pada dasarnya, semua gabungan parti politik yang bertanding dalam PRU15 hanya mendapat penilaian sederhana tahap integriti menunjukkan responden kajian tidak bersedia mengakui gabungan parti-parti politik (kombinasi parti-parti yang ada dan calon-calon yang dibariskan) adalah boleh diyakini dari segi integriti dan kebolehan memimpin negara. Keadaan ini disebabkan wujudnya percampuran antara tokoh-tokoh politik yang berintegriti tinggi, amanah, berwibawa, setia, warak, tulus dan bertanggungjawab dengan tokoh politik yang korup, bias, rasis, berbohong, terpalit isu mahkamah, dan lemah prestasi dalam gabungan politik yang terbentuk. Akibatnya tiada mana-mana gabungan parti politik memperoleh skor yang paling sempurna sebagai gabungan parti yang berintegriti tinggi.

### **Kesimpulan**

Keghairahan kerajaan mengiktiraf Undi-18 dalam PRU15 bukanlah tiket mudah untuk sesetengah parti politik meraih undi. Pengundi muda berusia 18 tahun sebahagian besar adalah kelompok yang sudah matang dalam pertimbangan memilih kerajaan. Daripada perspektif integriti dan kepimpinan parti-parti politik, golongan pengundi muda kali pertama boleh dianggap sentiasa memerhati atau menganalisis perkembangan politik tanah air dan membuat penilaian mereka terhadap calon-calon dan parti yang dibariskan dalam PRU. Pola sikap politik yang ditunjukkan pengundi muda dalam kajian ini adalah menginginkan sebuah kerajaan yang berintegriti tinggi menerusi pemilihan calon dan parti yang dapat menjamin kestabilan, keadilan, bertanggungjawab, tulus dan berakuntabiliti, serta bebas daripada sebarang isu rasuah, kronisme, nepotisme dan rasisme. Masyarakat keseluruhan juga menginginkan pemimpin dan kerajaan yang dapat mendaulatkan proses demokrasi pada landasan yang betul dan menolak politik berteraskan persaingan kuasa, perkauman dan politik sempit yang boleh membawa kemusnahan pada negara. Peristiwa-peristiwa buruk yang berlaku selepas PRU14 menyediakan latarbelakang penting yang memantapkan pendirian dan pola sikap politik pengundi muda. Justeru kesungguhan serta kegembiraan keluar mengundi pengundi muda kali pertama dalam PRU15 yang lalu adalah untuk menzahirkan rasional sikap politik mereka yang berteraskan integriti.

**Penghargaan:** Penulisan artikel ini adalah hasil penyelidikan yang dibiayai oleh Geran Kecil Penyelidikan (GKP) FSSK, Universiti Kebangsaan Malaysia, (SK-2022-024).

**Konflik kepentingan:** Tiada konflik kepentingan dengan mana-mana pihak dalam penerbitan ini.

**Kenyataan Persetujuan Termaklum:** Semua responden yang menyertai kajian dimaklumkan mengenai objektif kajian dan prosedur menjadi peserta / menolak menjadi peserta kajian sebelum pautan soalselidik. Kajian ini adalah berteraskan penyertaan sukarela dan kerahsiaan data peribadi adalah terjamin. Maklumat emel responden tidak direkodkan sebagai bukti kerahsiaan, dan hanya data peribadi asas seperti usia, gender, pendidikan, kawasan mengundi sahaja dikutip.

### **Rujukan**

- Ahmad, A. L., Othman, S. S., & Chang, P., K. (2018). Pengaruh kepemimpinan dan manifesto parti terhadap tingkah laku pengundi di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 34(4), 189-205.
- Ahmad, Z., Jawan, J. A., & Kasim, M. Y. (2016). *Kelakuan mengundi belia di Malaysia*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.

- Aldrich, J. H. (1993). Rational choice and turnout. *American Journal of Political Science*, 37(1), 246-278.
- Ali, M., & Mansor, S. (2016). *Politik belia di Malaysia*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Awang Besar, J. (2022). Geopolitik Melaka dan pilihan politik pengundi dalam pilihan raya Dun Melaka 2021. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 19 (1). 64-80.
- Awang Besar, J. (2022). Perspektif belia terhadap isu sosioekonomi dan politik di kawasan DUN Peramu Jaya, Pekan, Pahang. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 19 (7). 379-394.
- Awang Besar, J., Zakaria, S. M., Mohamed Nor, M. N., Mansor, S., & Nik Hairi Omar. (2022). Geopolitik di kawasan parlimen (P019) Tumpat, Kelantan. *e-Bangi: Journal of Social Science and Humanities*, 19 (6): 43-60.
- Banducci, S. A., & Karp, J. A. (1998). The impact of candidate personal characteristics on voter choice. *Political Behavior*, 20(3), 189-204.
- Buchanan, J. M., & Tullock, G. (1962). *The calculus of consent: Logical foundations of constitutional democracy*. University of Michigan Press.
- Campbell, A., Converse, P. E., Miller, W. E., & Stokes, D. E. (1960). *The American voter*. Wiley.
- Downs, A. (1957). *An economic theory of democracy*. Harper and Row.
- Hamedan, N. N., Shekh Alsagoff, S. A., & Ahmad Ghazali, A. H. (2019). Media, isu dan tingkah laku pengundi dalam Pilihan Raya Umum ke-14: Satu kajian Awal. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, Jilid 35(2) 2019: 293-312.
- Hooks, B. (2010). *Teaching critical thinking: Practical wisdom*. Routledge.
- Horowitz, D. L. (1985). *Ethnic groups in conflict*. University of California Press.
- Jasmi, K. A., Mohamed, A. K., & Dolah, M. H. A. (2020). Kesan media sosial terhadap tingkah laku pengundi muda di Malaysia. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 7(2), 12-27.
- Lazarsfeld, P. F., Berelson, B., & Gaudet, H. (1944). *The people's choice: How the voter makes up his mind in a Presidential Campaign*. Duell, Sloan and Pearce.
- Lipset, S. M. (1960). *Political man: The social bases of politics*. Doubleday.
- Mahmod, A. F., Hambali, S. N., & Mohd Sani, M. A. (2022). Persepsi pemilih muda terhadap isu-isu utama dalam PRU-15 di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 38(1), 266-284.
- Malaysia GE15 / PRU15 & 6 states elections - Results overview. (2023, Ogos 12). *The Star*. <https://election.thestar.com.my>
- Mansbridge, J. (1999). Voting behavior and the ethical foundations of Democratic Theory. *American Political Science Review*, 93(3), 673-686.
- Mat Jali, F., & Awang Besar, J. (2023). Faktor-faktor yang mempengaruhi pengundian pengundi muda di Malaysia. *Jurnal Kajian Malaysia*, 41(2), 45-68.
- Mohd Awal, N. Z., Azman, A., & Mansor, N. (2021). Pengaruh faktor demografi dan sosioekonomi terhadap tingkah laku pengundi di Malaysia. *Jurnal Pengurusan Awam*, 18(2), 1-18.
- Mohd Basori, N. E., & Awang Besar, J. (2020). Pengaruh media terhadap sokongan kepada parti politik di Malaysia. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(5), 62-80.
- Mohd Dzaki, M. Z., (2021). Kelancaran peralihan kuasa politik di Malaysia pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(6), 53 – 59.
- Mohd Sani, M. A., Mohamed Nor, N., & Hamil, J. (2016). Pengaruh isu semasa terhadap tingkah laku pengundi di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 32(1), 209-228.
- Mohd Zaki, M. Z. (2022). Sifat dan tingkahlaku politik pengundi Undi-18 di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Pulau Pinang. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. Vol 7, Issue 11, e001941. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1941>
- Nair, S. (2018). The 2018 Malaysian General Election: Rethinking the political landscape. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 37(3), 3-14.
- OECD (2017). Integrity and public trust in the public sector. *OECD Public Governance Reviews*, OECD Publishing, Paris. <https://doi.org/10.1787/public-integrity-2017-en>
- Othman, Z., Nasarah, S. A., & Mansor, S. (2019). Peranan identiti etnik dan agama dalam tingkah laku pengundian di Malaysia. *Jurnal Kajian Malaysia*, 37(1), 57-75.

- Pandian, S. (2010). *Pemimpin, parti dan demokrasi di Malaysia*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Pengundi muda, baharu masih 'atas pagar', berpotensi jadi penentu. (2022, Oktober 11), *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my>
- Saleh, Y., Boyman, S. N., Mahat, H., Hashim, M., Nayan, N., Norkhaidi, S. B., & Suhaili, S. (2020). Pola sokongan pengundi muda sebelum Pilihan Raya Umum ke 14 di Malaysia. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space*, 16(1), 80-94. <https://doi.org/10.17576/geo-2020-1601-07>
- Siarap, K., Mustaffa, C. S., & Mustafa, H. (2017). Peranan gender dalam tingkah laku pengundian di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 33(1), 95-111.
- Tuan Muhamad Adnan, T. B. (2022, Oktober 20). Lebih sejuta belia usia 18 hingga 20 tahun mengundi kali pertama. *Sinar Harian Online*. <https://www.sinarharian.com.my>
- Weiss, M. L. (2019). *Ethnicity and electoral politics in Malaysia*. Cambridge University Press.
- Welsh, B. (2018). Seismic shifts in Malaysia's political landscape: The 14th general election. *The Round Table*, 107(6), 761-771.
- Widang, I., & Fridlund, B. (2003). Self-respect, dignity and confidence: conceptions of integrity among male patients. *Journal of Advanced Nursing*, 42(1), 47-56.
- Zulkifli, N., Omar, S. K., Johari, N. F., Hassan, M. S., & Mohamad Rosman, M. R. (2021). Pengaruh media baru dan penglibatan politik belia. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 2(2), 63-77.